

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 173

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan SMK Bongkol, Pitas dapat dimulakan kerana sekolah ini amat diperlukan dan masyarakat di kawasan Kampung Bongkol dan sekitarnya berharap agar pembinaannya dapat dilaksanakan secepat mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bongkol, Pitas telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Skop projek ini merangkumi pembinaan gantian penuh 18 bilik darjah, asrama bagi kapasiti 200 orang murid, 16 unit rumah guru dan lain-lain kemudahan di SMK Bongkol, Pitas, Sabah.

Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi teknikal Kerajaan. Status semasa projek ini adalah berada di fasa pra pelaksanaan iaitu pihak JKR sedang dalam proses melantik perunding. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan sebaik sahaja proses reka bentuk, perolehan dan lantikan kontraktor selesai.

Sekian, terima kasih